

Seramai 454 pelajar terima agihan bantuan lebih RM200,000

Oleh **Noor Atiqah Sulaiman** - Julai 28, 2023 @ 9:17am
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my



Datuk Norliza Abdul Rahim (empat dari kiri) bergambar bersama pelajar penerima Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin di UiTM Shah Alam. - Foto PTPTN

KUALA LUMPUR: Seramai 454 pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan di institusi pengajian tinggi tempatan menerima agihan bantuan berjumlah RM227,000 daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) bagi meringankan beban kewangan mereka.

Pengerusi PTPTN, Datuk Norliza Abdul Rahim, berkata bantuan itu disalurkan menerusi inisiatif pihaknya dikenali sebagai Bantuan Pengajian Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)-PTPTN Prihatin yang dilancarkan tahun lalu.

Beliau berkata, pelbagai program berimpak tinggi dilaksanakan pihaknya bagi memastikan masyarakat menerima bantuan sewajarnya dalam usaha untuk meningkatkan akses pendidikan tanpa mengira kaum dan latar belakang.



Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN (dua dari kiri) menyerahkan plakad sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin berjumlah RM81,500 kepada Prof. Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Naib Canselor UUM (dua dari kanan). - Foto PTPTN

"Justeru, program Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin diadakan untuk menyalur bantuan sara hidup kepada pelajar yang kurang berkemampuan bagi meringankan beban kewangan pelajar dalam tempoh pengajian di universiti.

"Diharapkan, sumbangan seumpama ini dapat membantu meringankan beban kewangan pelajar di IPT, malah kita mahu mereka jadikan bantuan ini sebagai pendorong untuk berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai keputusan yang cemerlang seterusnya mendapat pekerjaan lebih baik untuk mengubah nasib keluarga," katanya.

Beliau menambah, bagi memastikan pelaksanaan program berkenaan diterima kumpulan sasar yang ditetapkan, Norliza berkata, PTPTN menjalin kerjasama dengan IPT dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri.



Datuk Norliza Abdul Rahim (dua dari kiri) menyerahkan sumbangan Bantuan Pengajian KPT-PTPTN Prihatin kepada seorang pelajar di UUM. - Foto PTPTN

Bagi penyampaian kepada pelajar di Universiti Utara Malaysia (UUM) baru-baru ini, ia membabitkan seramai 163 pelajar dengan jumlah agihan sumbangan sebanyak RM81,500.

Penyerahan sumbangan itu disempurnakan Norliza. Majlis itu turut dihadiri Naib Canselor UUM, Prof Dr Mohd Fo'ad Sakdan dan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed serta Ketua Eksekutif PTPTN, Ahmad Dasuki Abdul Majid,

Sementara pada majlis yang diadakan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pula, seramai 291 pelajar menerima agihan peruntukan sebanyak RM145,500.

Setiap pelajar yang layak mendapat bantuan itu, masing-masing menerima agihan berjumlah RM500 setiap seorang.



Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN (dua dari kiri) bersama Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN (kanan) dan Prof Dr. Hj Mohd Sazili Shahibi, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar UiTM (kiri) bergambar bersama salah seorang pelajar penerima Bantuan KPT-PTPTN Prihatin. - Foto PTPTN

PTPTN yang ditubuhkan pada 1997, adalah peneraju tabung pendidikan utama negara serta sudah melahirkan ramai modal insan kepada negara.

Peranan, jasa dan sumbangan PTPTN kepada masyarakat Malaysia ternyata berjaya merealisasikan matlamat melahirkan generasi berpendidikan serta berharap segala inisiatif yang dijalankan oleh agensinya akan memberi impak positif serta manfaat kepada pelajar seterusnya membina lebih ramai graduan cemerlang.